

## Tahap Penggunaan Strategi Bacaan dalam Aktiviti Kefahaman Bacaan Teks Bahasa Arab

(The Level of Use of Reading Strategies in Arabic Language Reading Comprehension Activities)

MOHD HAZLI YAH@ALIAS\* & MAIMUN AQSHA LUBIS

### ABSTRAK

*Objektif kemahiran membaca bahasa Arab adalah untuk mempertingkatkan tahap kefahaman bacaan teks dalam kalangan pelajar menerusi penerapan strategi bacaan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hal ini merupakan satu aspirasi yang praktikal untuk dilaksanakan dalam era milenium ini. Meskipun penggunaan strategi bacaan terbukti dapat mempertingkatkan tahap kefahaman bacaan teks, namun tahap penguasaan strategi bacaan dalam kalangan pelajar masih kurang memuaskan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dimensi strategi bacaan, tahap penggunaan dan hubungannya dengan kefahaman bacaan dalam kalangan pelajar ketika membaca teks Arab. Seramai 506 peserta kajian terdiri daripada pelajar sekolah menengah agama telah dipilih secara rawak berkelompok terlibat dalam kajian ini. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik dan ujian bertulis yang dianalisis secara deskriptif dan inferensi menerusi analisis permodelan persamaan berstruktur (SEM). Dapatkan kajian mendapati tahap penggunaan strategi penyelesaian masalah adalah lebih tinggi berbanding dengan strategi global dan strategi sokongan yang masing-masing menunjukkan tahap penggunaan sederhana. Penguasaan kefahaman bacaan teks BA pula menunjukkan min keseluruhan skor markah ujian bertulis berada pada tahap rendah. Berdasarkan analisis SEM mendapati faktor strategi bacaan lebih dominan berbanding faktor lain. Implikasi dapatan kajian mencadangkan agar guru dapat merangka perancangan aktiviti kemahiran membaca dengan menitikberatkan aspek strategi bacaan dalam mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa dan aras kemahiran berfikir.*

*Kata kunci:* Kemahiran membaca bahasa Arab, kefahaman bacaan, strategi bacaan, strategi penyelesaian masalah, strategi global, strategi sokongan

### ABSTRACT

*It is a feasible aspiration in this millennial age to accentuate Arabic reading skills intended to develop a proper understanding of a given text among students through various teaching and learning activities namely the use of reading strategy. However, despite the fact that the employment of reading strategies has been proven to be effective as a means to enhance Arabic reading comprehension, the mastery of the strategies among students remains at an unsatisfactory level. This study aims to identify the dimensions of reading strategies as well as the level of use of these strategies in relations with students' reading comprehension with regards to Arabic content. A total of 506 participants, comprised of Islamic Secondary School students were selected through a stratified random sampling to be involved in this study. The data were collected using questionnaires as well as written tests and were analysed descriptively and inferred through Structural Equation Modelling (SEM) analysis. The findings show that the level of use of problem solving strategies is higher compared to the moderate usage of both the global strategies as well as the support strategies. The mastery of Arabic language text reading comprehension shows that the overall mean score of the written test is low. Based on SEM analysis, the reading strategies factor is more dominant than the other factors. The findings of the study imply that teachers ought to devise reading skills activities with the emphasis on the reading strategies in improving the level of language proficiency and thinking skill level.*

*Keywords:* Arabic reading skills; reading comprehension; strategies of reading; problem solving strategy; global strategy; support strategy

### PENDAHULUAN

Antara objektif utama kemahiran membaca bahasa Arab (BA) seperti yang dinyatakan dalam Kurikulum Bersepadu

Dini (KBD) sekolah menengah ialah pelajar dapat memahami isi kandungan teks dengan baik (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Namun rungutan pelajar tentang kesukaran untuk memahami isi kandungan teks bahasa

Arab (BA) masih lagi kedengaran. Malah beberapa kajian yang dijalankan mendapati tahap penguasaan kemahiran membaca BA dan hubungannya dengan pencapaian BA dalam kalangan pelajar masih belum mencapai tahap yang memuaskan (Hasmidar 2000; Norazman 2006; Sabri 2010). Hal ini berlaku kerana sebahagian pelajar tidak berupaya membaca dan memahami teks secara bersendirian malah berhajat kepada bimbingan serta tunjuk ajar daripada guru (Nik Mohd Rahimi et al. 2016). Pelajar juga dikatakan tidak mendapat gambaran dan penjelasan yang jelas mengenai konsep kefahaman bacaan yang merupakan hasil daripada proses perlakuan membaca yang melibatkan aspek kognitif serta memerlukan pembaca menggunakan strategi bacaan berkesan bagi membantu proses pemahaman (Yahya 2008).

Peranan strategi bacaan dalam aktiviti membaca merupakan salah satu aspek penting dalam kemahiran membaca. Brustad (2006) menyenaraikan beberapa isu yang perlu diberi perhatian dalam aktiviti kemahiran membaca BA sebagai bahasa kedua (B2). Antaranya ialah mengenal pasti bagaimana pelajar memperoleh pengetahuan tentang strategi-strategi bacaan serta mampu mengaplikasikannya dan menjadi seorang pembaca yang interaktif. Sebahagian sarjana mempercayai bahawa pembaca ketika membaca teks mereka mengamalkan pendekatan atau strategi yang melibatkan aspek kognitif, metakognitif dan afektif (Hudson 2007; Grabe 2009; Yahya 2008). Strategi membaca dari aspek kognitif adalah memfokuskan sejauh mana pembaca memiliki pengetahuan berkaitan strategi-strategi dan berupaya mengaplikasikannya dalam aktiviti bacaan yang dilaluinya. Strategi membaca dari aspek metakognitif pula merujuk kepada tindak balas pembaca yang menjangkau kognitif dan memberi peluang kepada pembaca mengkoordinasi proses belajar sendiri. Pada peringkat ini, pembaca berupaya merancang, mengubah suai, dan menilai pembacaan. Manakala aspek afektif pula adalah merujuk kepada emosi, sikap, motivasi, dan nilai pembaca terhadap teks yang membabitkan kecenderungan dalam diri (Hudson 2007; Grabe 2009; Yahya 2008).

Ironinya, perkaitan strategi bacaan dengan proses kognitif, perancangan dan tingkah laku pembaca dalam memahamkan teks bacaan turut berkait rapat dengan proses pemahaman bacaan yang melibatkan aras kemahiran berfikir tahap rendah dan tahap tinggi (Nassaji 2003; Yukselir 2014). Rentetan itu, kefahaman bacaan dari aspek kognitif dan metakognitif adalah saling berkait rapat antara satu sama lain. Hal ini dapat diperhatikan menerusi proses pemahaman yang melibatkan pemeringkatan aras kognitif secara hierarki atau lebih dikenali dengan taksonomi. Pemeringkatan domain kognitif seperti pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian boleh berlaku secara langsung dalam proses bacaan dan boleh diukur pada setiap pemeringkatan (Marohaini 2014). Pada peringkat aras kognitif rendah, majoriti pelajar dapat mengenal pasti idea dan isi-isi utama serta memahami kandungan teks dengan baik tanpa menghadapi kesukaran dan cabaran yang besar. Berbeza dengan aras kognitif

yang melibatkan domain aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi, pada peringkat ini kebanyakan pelajar menghadapi cabaran dan kesukaran untuk memahami kandungan teks (Nik Mohd Rahimi et al. 2016).

Bagi mencapai tahap pemahaman yang melibatkan kognitif aras tinggi, lazimnya pelajar selaku pembaca yang dikategorikan sebagai pembaca cemerlang yang memiliki keupayaan menggerakkan minda untuk berfikir dengan menggunakan strategi-strategi bacaan yang boleh merangsang dan mengaktifkan pemikiran analitikal berbanding pembaca yang lemah (Hudson 2007; Grabe 2009). Hal ini dapat difahami menerusi kenyataan Hudson yang menyatakan:

This summary statement of good reader strategies indicates the complexity of the task facing skilled reader, as well as the many potential pitfalls facing the less skilled reader.

(Hudson 2007)

Grabe (2009) turut menjelaskan bahawa peranan dan sumbangan strategi membaca bukan sahaja membantu dalam mempertingkatkan kelancaran dan kefasihan bacaan namun berupaya menjadikan seseorang pembaca lebih berkemahiran. Namun perkara yang wajar diberi perhatian adalah penerapan strategi-strategi bacaan berkesan secara berterusan dan konsisten sehingga mencapai peringkat kesedaran dalam menyelesaikan masalah (level of conscious problem solving). Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan para sarjana menunjukkan bahawa strategi bacaan itu wujud secara implisit menerusi proses bacaan yang melibatkan aspek kognitif dan juga metakognitif (Hudson 2007). Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dimensi, jenis, dan tahap penggunaan strategi bacaan serta hubungannya dengan kefahaman bacaan teks BA dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama.

## SOROTAN LITERATUR

### KONSEP STRATEGI BACAAN

Terdapat beberapa pandangan sarjana tentang konsep strategi bacaan dan bagaimana ia berfungsi. Secara umumnya para sarjana bersepakat dalam menyatakan bahawa ketika proses bacaan berlaku minda pembaca lazimnya membina idea-idea bermula daripada makna setiap patah perkataan dan informasi pada setiap ayat, serta menggarap maklumat menerusi idea-idea yang pelbagai dan seterusnya membuat kesimpulan berdasarkan matlamat serta motivasi. Semua proses tersebut berlaku secara automatik dan dalam kawalan minda serta perancangan pembaca (Carrell 1998; Garner 1987; Grabe 2009; Rapp et al. 2007). Oleh itu, perlakuan membaca melibatkan proses yang berlaku dalam minda seperti menilai, menyemak, membuat ramalan, meringkaskan sesuatu, merumus, dan juga menterjemah sehingga terhasil suatu kefahaman disebut sebagai asas kepada pembentukan

strategi bacaan (Janzen 2003; Janzen & Stoller 1998; Zare & Moomala 2013).

Konsep kepelbagaiannya aktiviti dalam proses bacaan telah mendorong para penyelidik melakukan penerokaan bagi mengenal pasti dari aspek kesediaan dan kebolehan pembaca untuk memilih, menguasai dan mengaplikasikan strategi-strategi tersebut ketika proses bacaan berlaku. Sebagai contoh, Carrell (1998), Farrell (2001) dan Gersten et al. (2001) masing-masing telah menjalankan kajian bagi mencari jawapan tentang bagaimana strategi bacaan dapat diajar dengan jayanya dan apakah yang mendorong kepada kejayaan pengajaran strategi bacaan itu kepada pelajar sebagai pembaca. Hudson (2007) dan Grabe (2009) menerusi sorotan dan penelitian ke atas sebilangan besar kajian yang dijalankan oleh para penyelidik telah mengenal pasti beberapa jenis strategi kefahaman bacaan yang utama. Strategi-strategi tersebut adalah berkait rapat dengan keupayaan pembaca yang pelbagai dalam menggerakkan minda serta mengaktifkan keterlibatan kognitif untuk melakukan penyimpulan maklumat, pembinaan soalan, menjawab soalan, pengaktifan pengetahuan sedia ada, pengawasan kefahaman, kesedaran struktur teks, pengimajinan dan pengelolaan grafik, serta penjanaan inferensi atau kesimpulan berdasarkan fakta. Bertepatan dengan aktiviti kemahiran membaca juga, ahli sarjana turut berpandangan bahawa proses kefahaman bacaan teks terutama bagi B2 adalah salah satu bentuk aktiviti berbentuk penyelesaian masalah (problem solving activity) dan sewajarnya pelbagai strategi perlu diterapkan dalam aktiviti tersebut bagi mencapai objektif kefahaman teks yang baik (Anderson 2003; Grabe 2009; Koda 2005; Mirzaei 2014).

#### DIMENSI DAN JENIS STRATEGI BACAAN

Dalam mengenal pasti dimensi dan bentuk-bentuk strategi bacaan para penyelidik telah menjalankan kajian berkaitan dengan penggunaan dan penerapan strategi-strategi bacaan berasaskan kepada aspek kesedaran metakognitif, motivasi, pemantauan dan juga pengawalan dalam kalangan pembaca yang berkemahiran (cemerlang) dan pembaca yang tidak berkemahiran (lemah). Umumnya pembaca yang dikategorikan sebagai pembaca cemerlang mahupun lemah ternyata menggunakan pelbagai bentuk strategi ketika membaca. Namun apa yang membezakan antara kedua-dua kelompok pembaca tersebut (cemerlang dan lemah) adalah dari aspek penerapan dan penggunaan strategi secara optimum. Pembaca cemerlang dilihat lebih peka dan berupaya memanfaatkan pengetahuan tentang strategi untuk memproses teks, memantau pemahaman serta mampu menyesuaikan strategi-strategi lain dengan lebih efektif berbanding pembaca yang lemah (Jacobs & Paris 1987; Mokhtari & Reichard 2002; Mokhtari & Shoery 2002). Hal ini dapat diperhatikan menerusi pernyataan Mokhtari dan Reichard (2002: 249) menyatakan:

Researchers investigating reading comprehension monitoring among skilled and unskilled readers have long

recognized the importance of metacognitive awareness in reading comprehension because it distinguishes between skilled and unskilled readers.

(Mokhtari dan Reichard 2002)

Dalam konteks ini, Mokhtari dan Reichard merupakan antara penyelidik yang telah meneroka, mengkaji strategi bacaan teks secara mendalam. Mereka juga telah menjalankan proses kesahan dan kebolehpercayaan terhadap pembinaan instrumen strategi bacaan yang dinamakan sebagai Inventori Kesedaran Metakognitif Strategi Bacaan (Metacognitive Awareness of Reading Strategies Inventory) singkatannya MORSI. Kemudian disusuli dengan kajian Mokhtari dan Sheorey (2002) yang menjalankan proses adaptasi ke atas instrumen MORSI dengan menghasilkan satu instrumen kajian soal selidik yang dikenali sebagai Soal Selidik Strategi Bacaan (Survey of Reading Strategies) atau singkatannya SORS. Namun apa yang membezakan antara kedua-dua instrumen tersebut adalah dari sudut tujuan pembinaan. MARSI yang dibina khusus kepada penutur yang mempelajari bahasa pertama (B1) manakala SORS dibina bersesuaian untuk penutur yang mempelajari B1 dan B2.

Instrumen SORS mengetengahkan tiga dimensi strategi iaitu Strategi Bacaan Global (Global Reading Strategies), Strategi Penyelesaian Masalah (Problem Solving Strategies), dan Strategi Sokongan (Support Strategies) (Mokhtari & Sheorey 2002; Mokhtari Reichard 2002). Strategi Bacaan Global (SBG) adalah merujuk kepada teknik-teknik yang dirancang dengan teliti oleh pembaca dalam usaha memantau teks dan menguruskan bacaan seperti menetapkan tujuan dan fokus dalam minda, meneliti teks dari aspek struktur, perenggan, ilustrasi, jadual dan rajah. Strategi Penyelesaian Masalah (SPM) pula adalah tindakan dan prosedur yang digunakan pembaca ketika membaca teks. Ia melibatkan teknik-teknik yang digunakan ketika menghadapi kesukaran sewaktu memahamkan teks seperti memperlahankan atau mempercepatkan kelajuan bacaan sekiranya berhadapan dengan teks yang susah atau senang, meneka maksud perkataan yang tidak diketahui maknanya, dan mengulangi bacaan dengan tujuan untuk mempertingkatkan kefahaman. Seterusnya kategori yang ketiga iaitu Strategi Sokongan (SS) merujuk kepada mekanisme sokongan asas yang bertujuan untuk membantu pembaca memahami teks seperti menggunakan kamus, mencatat nota, membuat garisan pada perkataan atau menanda dengan menggunakan peralatan seperti pen penyerlah (Mokhtari & Sheorey 2002; Mokhtari Reichard 2002). Pengelasan ketiga-tiga kategori strategi tersebut dilihat bertepatan serta bersesuaian dengan peranan utama metakognisi seperti kebolehan metakognitif, pengetahuan metakognitif, kesedaran metakognitif, dan strategi metakognitif (Magogwe 2013; Mokhtari & Reichard 2002; Pintrich 2002; Sheorey & Mokhtari 2001; Yuksel & Yuksel 2012).

Lanjutan daripadauraian di atas, Mokhtari dan Reichard (2002) turut menjelaskan bahawa ketiga-tiga kategori strategi bacaan tersebut dilihat saling

mempengaruhi antara satu sama lain dan mempunyai kesan yang penting dalam pemahaman teks. Berdasarkan kepada beberapa kajian yang dijalankan, para penyelidik mendapati pembaca yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi serta mempunyai pengalaman yang luas dalam pembelajaran satu-satu bahasa dapat memanfaatkan strategi-strategi bacaan dengan lebih baik terutama melibatkan strategi global dan penyelesaian masalah (Abidin, Zaini & Tengku Nor Rizan 2014; Alhaqbani & Riazi 2012; Chen & Chen 2015).

#### METODOLOGI

##### REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen kajian soal selidik dan ujian bertulis untuk pengumpulan data. Walaupun kajian ini dijalankan menerusi kaedah kajian rentas dengan menggunakan teknik pengumpulan data sekali sahaja daripada sampel pada satu masa (Creswell 2012, Mohd Majid 2000) namun dapatkan kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada kajian seterusnya bagi tujuan penerokaan dan penambahbaikan kualiti khususnya berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca BA di Malaysia.

##### POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian ini melibatkan pelajar tingkatan empat (umur 16 tahun) yang mempelajari mata pelajaran BA di sekolah menengah agama Terengganu berjumlah 2,776 orang. Kriteria pemilihan peserta adalah berasaskan kepada wujudnya kepelbagaian kemahiran, tahap penguasaan dan pencapaian prestasi dalam kalangan pelajar bagi mewakili sistem pendidikan merentas dimensi dan kriteria di Malaysia. Pemilihan peserta sebagai responden kajian seramai 506 orang ditentukan menerusi teknik pensampelan rawak berkelompok yang melibatkan dua peringkat. Peringkat pengelasan kepada kelompok yang mewakili keseluruhan ciri-ciri populasi dan juga peringkat pemilihan sampel secara teknik pensampelan rawak mudah daripada setiap kelompok (Lohr 2010; McMillan & Schumacher 2006).

##### INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua bentuk instrumen iaitu soal selidik dan set ujian bertulis. Soal selidik digunakan bagi mendapatkan data berkaitan dengan strategi bacaan manakala ujian bertulis pula bagi mendapatkan data berkaitan kefahaman bacaan teks BA. Soal selidik bagi strategi bacaan diadaptasikan daripada Mokhtari dan Sheory (2002) yang dikenali sebagai *Survey of Reading Strategies* (SORS). Soal selidik tersebut mengandungi 30 item yang dibahagikan kepada tiga dimensi, iaitu (i) Strategi Bacaan Global (13 item), (ii) Strategi Penyelesaian Masalah (8

item), dan (iii) Strategi Sokongan (9 item). Setiap dimensi mempunyai kesahan dan indeks kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Alfa Cronbach 0.92, 0.79 dan 0.87. Setiap item dinilai dengan menggunakan lima mata skala pemeringkatan iaitu (1) "Saya tidak pernah melakukan perkara tersebut", (2) "Saya jarang-jarang melakukan perkara tersebut", (3) "Saya kadang-kadang melakukan perkara tersebut", (4) "Saya kerap kali melakukan perkara tersebut", (5) "Saya amat kerap melakukan perkara tersebut". Bagi tujuan penginterpretasian tahap penguasaan strategi bacaan, kajian ini menggunakan pakai kriteria penilaian tahap yang dikemukakan oleh Oxford (1990). Bagi mendapatkan data kajian berkaitan kefahaman bacaan teks pula, ujian soalan kefahaman yang digunakan diadaptasi daripada koleksi soalan peperiksaan akhir tahun yang digubal oleh guru mata pelajaran BA. Bagi mencapai keobjektifan, kesesuaian, dan kesahan ujian, Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) telah dibina bagi tujuan menyemak item-item dari aspek bilangan, aras kemahiran berfikir dan aras kesukaran.

##### KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN

Aspek kesahan konstruk dan item SORS dalam kajian dibuktikan melalui dapatan analisis faktor. Umumnya terdapat dua bentuk analisis faktor, iaitu analisis faktor penerokaan (EFA) dan juga analisis faktor pengesahan (CFA). Bagi menjalankan analisis faktor jumlah sampel yang digunakan sebagai kajian rintis adalah 50 sampel (MacCallum et al. 1999). Analisis EFA dijalankan terlebih dahulu sebagai langkah pertama pengujian kesahan item sebelum dilakukan CFA. Dalam menjalankan analisis EFA, terdapat beberapa nilai ujian yang dijadikan perkiraan bagi mencapai tahap minimum yang ditetapkan termasuklah Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO). Ujian KMO adalah merujuk cara untuk menentukan kesempurnaan atau kecukupan item atau sampel soalan dengan membandingkan magnitud bagi pekali korelasi separa. Ujian KMO diambil kira dalam EFA kerana ia dapat menunjukkan wujudnya *multi-collinearity* dalam mengenal pasti sama ada item-item soal selidik berkenaan sesuai atau tidak untuk dijalankan analisis faktor (Ghazali & Sufean 2016). Seterusnya, menerusi kajian rintis, kebolehpercayaan soal selidik nilai pekali Alfa Cronbach telah diguna pakai bagi mengukur ciri-ciri kekonsistenan dan ketekalan item soal selidik. Senarai keseluruhan nilai KMO bagi ujian EFA ke atas item-item soal selidik dan nilai pekali Alfa Cronbach adalah seperti mana yang ditunjukkan pada Jadual 1. Berdasarkan nilai-nilai yang terdapat pada Jadual 1, maka data kajian ini dianggap sah dan boleh untuk diteruskan dengan ujian selanjutnya.

Untuk instrumen ujian bertulis, pengesahan kumpulan pakar rujuk atau panel pemeriksa lazimnya dijalankan bagi mendapat kesahan muka dan kesahan kandungan. Kesahan muka dan kesahan kandungan merujuk kepada pengesahan ketepatan kandungan dan format instrumen yang merangkumi aspek komprehensif, kebolehgunaan

JADUAL 1. Nilai indeks kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik

Soal Selidik / Dimensi	Bilangan Item	Nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)	Nilai Alfa Cronbach ( $\alpha$ )
Strategi Bacaan Global	1 hingga 13	0.878	0.880
Strategi Penyelesaian Masalah	14 hingga 21	0.861	0.892
Strategi Sokongan	22 hingga 30	0.850	0.831

variabel, ketepatan serta kecukupan item yang dibina benar-benar mewakili konstruk yang diukur dan dinilai (Ghazali & Sufean 2016; Mehrens & Lehmann 1991; Siti Rahayah 2008). Dalam bidang pentaksiran pendidikan, kelaziman yang diamalkan untuk pengujian kognitif bilik darjah ialah penentuan kesahan kandungan melalui semakan ke atas pembinaan dan kandungan JSU (Muhammad Najib 2011). Seterusnya, bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen ujian kefahaman bacaan teks, analisis Indeks Cohen Kappa digunakan dengan tujuan untuk menentukan darjah persetujuan unit analisis dengan konstruk yang dikaji (Zamri & Noriah 2003). Dalam menentukan Indeks Cohen Kappa, pengkaji telah mendapatkan khidmat tiga orang guru yang berpengalaman melebihi lapan tahun mengajar mata pelajaran BA serta berpengetahuan dan berkemahiran dalam menggubal dan memeriksa soalan peperiksaan di peringkat negeri dan kebangsaan. Tiga orang guru pakar berkenaan diminta untuk mengemukakan pandangan dan persetujuan ke atas soalan-soalan kefahaman bagi mendapatkan nilai Indeks Cohen Kappa. Hasil perkiraan nilai min koefisien Kappa ialah 0.73. Hal ini menunjukkan kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap persetujuan baik dan boleh diterima. Dengan kata lain, unit analisis yang dicadangkan oleh pengkaji adalah selari dengan konstruk yang dikemukakan berdasarkan persetujuan pakar.

Dalam kajian ini, data kuantitatif yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis secara deskriptif melibatkan kekerapan, peratusan dan min. Analisis inferensi yang melibatkan korelasi dan regresi turut dianalisis dengan menggunakan analisis permodelan persamaan berstruktur (SEM).

#### DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai 176 pelajar lelaki (34.8%) dan 330 pelajar perempuan (65.2%) daripada keseluruhan 506 responden yang telah menjalani penilaian bagi mengukur tahap penggunaan strategi bacaan dan tahap kefahaman bacaan teks BA. Untuk tujuan penginterpretasian tahap penguasaan strategi bacaan pula, kriteria penilaian yang

dikemukakan oleh Oxford (1990) diguna pakai sepertimana Jadual 2.

JADUAL 2. Interpretasi skor min tahap penggunaan strategi bacaan teks

Interpretasi	Kenyataan Perlakuan	Skor Min
Tinggi	Saya AMAT KERAP melakukan perkara tersebut	.50 hingga 5.00
	Saya KERAP KALI melakukan perkara tersebut	3.50 hingga 4.49
Sederhana	Saya KADANG-KADANG melakukan perkara tersebut	2.50 hingga 3.49
Rendah	Saya JARANG-JARANG melakukan perkara tersebut	1.50 hingga 2.49
	Saya TIDAK PERNAH melakukan perkara tersebut	1.00 hingga 1.49

Dalam kajian ini, penggunaan strategi bacaan teks bahasa Arab (SBTA) dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama dilihat daripada tiga dimensi iaitu Strategi Bacaan Global (SBG), Strategi Penyelesaian Masalah (SPM), dan Strategi Sokongan (SS). Berdasarkan Jadual 3, min keseluruhan penggunaan SBTBA mengikut dimensi berada pada tahap penggunaan sederhana (min = 3.46, s.p = 0.59). Dapatkan ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi bacaan secara keseluruhan dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama berada pada tahap penggunaan yang sederhana. Namun begitu, data pada Jadual 2 turut menunjukkan bahawa dimensi SPM berada pada tahap penggunaan tinggi (min = 3.72, s.p = 0.20), manakala dua dimensi lain berada pada tahap penggunaan sederhana iaitu dimensi SBG (min = 3.43, s.p = 0.33) dan dimensi SS (min 3.22, s.p = 0.32).

JADUAL 3. Min dan sisihan piawai SBTBA mengikut dimensi

Bil.	Dimensi	Bil.	Min	S.P	Interpretasi
1.	Strategi Bacaan Global	13	3.43	0.33	Sederhana
2.	Strategi Penyelesaian Masalah	8	3.72	0.20	Tinggi
3.	Strategi Sokongan Keseluruhan	9	3.22	0.32	Sederhana
		30	3.46	0.59	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4, terdapat tujuh item dimensi SPM, tujuh item dimensi SBG, dan hanya dua item SS berada pada tahap interpretasi tinggi. Lima item dimensi SPM yang berada pada tahap interpretasi tinggi iaitu ‘apabila teks bacaan menjadi semakin sukar, pembaca ulang bacaan untuk meningkatkan kefahaman’ (min = 3.98, s.p = 1.01), ‘cuba untuk kembali fokus kepada pembacaan ketika hilang konsentrasi’ (min = 3.95, s.p = 0.9), ‘baca secara perlahan, lambat dan berhati-hati untuk pastikan saham apa yang dibaca’ (min = 3.78, s.p = 0.99), ‘ketika membaca, pembaca meneka maksud perkataan atau frasa

*yang tidak diketahui maknanya*’ (min = 3.78, s.p = 1.06), ‘*apabila teks menjadi semakin sukar, pembaca beri lebih tumpuan terhadap apa yang dibaca*’ (min = 3.69, s.p = 1.12), ‘*Cuba bayangkan atau gambarkan maklumat untuk bantu ingati apa yang dibaca*’ (min = 3.63, s.p = 1.03), dan ‘*menyesuaikan kelajuan bacaan mengikut situasi tentang apa yang dibaca*’ (min = 3.53, s.p = 1.03). Ketujuh-tujuh item SPM ini menggambarkan bentuk kesukaran dan halangan ketika membaca dan bagaimana pelajar memberi reaksi serta berusaha mencari jalan penyelesaian sekiranya berhadapan dengan cabaran ketika membaca teks BA. Manakala tujuh item dimensi SBG yang berada pada tahap interpretasi tinggi iaitu ‘*manfaatkan jadual, rajah, dan gambar dalam teks untuk tingkatkan pemahaman*’ (min = 3.79, s.p = 0.95), ‘*fikirkan sesuatu yang sudah diketahui dalam membantu untuk memahami apa yang dibaca*’ (min = 3.79, s.p = 1.02), ‘*memanfaatkan simbol tipografi seperti tulisan huruf tebal (*bold*) dan tulisan huruf condong (*italic*)*’ (min = 3.77, s.p = 1.12), ‘*meneka isi kandungan teks ketika membaca*’ (min = 3.69, s.p = 1.12), ‘*menyemak untuk pastikan sama ada tekaan tentang teks betul atau salah*’ (min = 3.64, s.p = 1.08), ‘*manfaatkan petunjuk makna konteks yang terdapat dalam*

*teks dalam membantu lebih memahami apa yang dibaca*’ (min = 3.57, s.p = 1.08), dan ‘*melihat seimbang pandang keseluruhan teks untuk mengetahui tentang kandungannya sebelum membaca teks berkenaan*’ (min = 3.55, s.p = 1.13). Ketujuh-tujuh item SBG ini menggambarkan bahawa pelajar memanfaatkan peluang dan ruang yang ada bagi mendapatkan kefahaman ketika membaca. Seterusnya hanya dua item dimensi SS yang berada interpretasi tinggi iaitu ‘*gariskan atau bulatkan maklumat yang terdapat dalam teks bagi membantu mengingatinya*’ (min = 3.65, s.p = 1.13), dan ‘*menggunakan bahan rujukan seperti kamus untuk bantu fahami apa yang dibaca*’ (min = 3.50, s.p = 1.03). Kedua-dua item SS ini menunjukkan bahawa pelajar ada memanfaatkan kaedah dan bahan dalam usaha untuk fahami apa yang dibaca ketika aktiviti membaca.

Dalam kajian ini juga, tahap kefahaman bacaan teks BA (KBTBA) dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama dilihat daripada aspek pencapaian skor markah ujian bertulis. Bagi tujuan pelaporan tahap KBTBA pelajar, analisis deskriptif melibatkan julat skor markah, kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai telah digunakan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5.

JADUAL 4. Penggunaan SBTBA paling tinggi dalam kalangan pelajar

Bil.	Strategi	Dimensi	Min	S.P	Interpretasi
1.	Apabila teks bacaan menjadi semakin sukar, pembaca ulang bacaan untuk meningkatkan kefahaman.	SPM	3.98	1.01	Tinggi
2.	Cuba untuk kembali fokus kepada pembacaan ketika hilang konsentrasi.	SPM	3.95	0.9	Tinggi
3.	Manfaatkan jadual, rajah, dan gambar dalam teks untuk tingkatkan pemahaman.	SG	3.79	0.95	Tinggi
4.	Fikirkan sesuatu yang sudah diketahui dalam membantu untuk memahami apa yang saya dibaca.	SG	3.79	1.02	Tinggi
5.	Baca secara perlahan, lambat, dan berhati-hati untuk pastikan faham apa yang dibaca.	SPM	3.78	0.99	Tinggi
6.	Ketika membaca, pembaca meneka maksud perkataan atau frasa yang tidak diketahui maknanya.	SPM	3.78	1.06	Tinggi
7.	Memanfaatkan simbol tipografi seperti tulisan huruf tebal ( <i>bold</i> ) dan tulisan huruf condong ( <i>italic</i> ).	SG	3.77	1.12	Tinggi
8.	Meneka isi kandungan teks ketika membaca.	SG	3.76	1.02	Tinggi
9.	Apabila teks menjadi semakin sukar, pembaca beri lebih tumpuan terhadap apa yang dibaca.	SPM	3.69	1.12	Tinggi
10.	Saya gariskan atau bulatkan maklumat yang terdapat dalam teks bagi membantu saya mengingatinya.	SS	3.65	1.13	Tinggi
11.	Menyemak untuk pastikan sama ada tekaan tentang teks betul atau salah.	SG	3.64	1.08	Tinggi
12.	Cuba bayangkan atau gambarkan maklumat untuk bantu ingati apa yang dibaca.	SPM	3.63	1.03	Tinggi
13.	Manfaatkan petunjuk makna konteks yang terdapat dalam teks dalam membantu lebih memahami apa yang dibaca.	SG	3.57	1.08	Tinggi
14.	Melihat seimbang pandang keseluruhan teks untuk mengetahui tentang kandungannya sebelum membaca teks berkenaan.	SG	3.55	1.13	Tinggi
15.	Menyesuaikan kelajuan bacaan mengikut situasi tentang apa yang dibaca.	SPM	3.53	1.03	Tinggi
16.	Menggunakan bahan rujukan seperti kamus untuk bantu fahami tentang apa yang dibaca.	SS	3.50	1.03	Tinggi

JADUAL 5. Analisis deskriptif ujian kefahaman bacaan teks bahasa Arab

Julat Skor Markah	Kekerapan	Peratusan	Interpretasi
75 – 100	0	0	Tinggi
50 – 74	218	43.0	Sederhana
0 – 49	288	57.0	Rendah
Jumlah	506	100	
Min Keseluruhan Markah Ujian Kefahaman Bacaan Teks Bahasa Arab (Min = 46, s.p = 11.7)			

Berdasarkan Jadual 4 di atas, jumlah pelajar mendapat markah antara 50 hingga 74 dalam ujian bertulis adalah seramai 218 orang (43%) berada pada tahap penguasaan sederhana, manakala pelajar yang mendapat markah antara 0 hingga 49 markah adalah seramai 288 orang (57%) berada pada tahap penguasaan rendah. Dapatkan daripada jadual ini juga menunjukkan bahawa min keseluruhan markah ujian KBTBA pelajar sekolah menengah agama berada pada tahap penguasaan rendah (min = 46, s.p = 11.7).

Seterusnya, kajian ini turut melihat signifikan hubungan antara strategi bacaan dengan kefahaman bacaan teks BA dalam kalangan pelajar. Bagi meramal hubungan dan sumbangan pemboleh ubah strategi bacaan terhadap pemboleh ubah kefahaman bacaan teks, analisis regresi linear telah dijalankan dengan menggunakan analisis permodelan persamaan berstruktur (SEM). Keputusan analisis tersebut ditunjukkan pada Jadual 6.

JADUAL 6. Analisis regresi antara pemboleh ubah strategi bacaan dengan kefahaman bacaan

	Pemboleh Ubah	Anggaran	S.E	C.R.	P	Keputusan
Strategi Bacaan	-----> Kefahaman Bacaan	.440	.071	6.205 ***		Signifikan

Berdasarkan Jadual 5, nilai C.R. bagi pekali regresi piawai antara pemboleh ubah strategi bacaan dan pemboleh ubah kefahaman bacaan teks adalah signifikan (di luar lingkungan  $\pm 1.96$ ). Bagi hubungan antara faktor strategi dengan kefahaman bacaan, nilai C.R. = 6.205 dan nilai pekali regresi  $\beta = 0.440$  menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut ( $C.R. = 6.205$ ,  $\beta = 0.440$ ,  $p < 0.05$ ). Dapatkan kajian ini turut menunjukkan bahawa pemboleh ubah faktor strategi bacaan dengan nilai  $\beta = 0.440$  dilihat antara pemboleh ubah yang lebih dominan berbanding pemboleh ubah lain yang diuji bersama dalam menyumbang pengaruh ke atas pemboleh ubah kefahaman bacaan teks.

#### PERBINCANGAN

Rata-rata pelajar sekolah menengah agama di peringkat menengah atas telah mempunyai pengalaman belajar

bahasa Arab secara formal selama 10 tahun. Dalam tempoh tersebut pelbagai maklumat, pengetahuan dan pengalaman telah diperolehi menerusi aktiviti PdP yang melibatkan empat kemahiran BA termasuk kemahiran membaca (Tuaimah 1986).

Berdasarkan dapatan kajian ini, jelas menunjukkan pelajar tingkatan empat sekolah menengah agama yang menduduki pelbagai bentuk ujian dan peperiksaan bagi mata pelajaran BA di waktu persekolahan telah menjalani aktiviti-aktiviti kemahiran membaca di dalam kelas. Perkara ini dapat diperhatikan menerusi bentuk-bentuk strategi bacaan yang dilalui oleh pelajar sama ada eksplisit atau implisit sepanjang pembelajaran (Jacobs & Paris 1987; Mokhtari & Reichard 2002; Mokhtari & Shoery 2002). Sebagai contoh, aktiviti bacaan lazimnya akan melibatkan tajuk, bentuk teks, kosa kata, struktur ayat, susunan perenggan, ilustrasi, serta jadual yang merupakan elemen-elemen yang senantiasa pelajar lalui dalam PdP. Begitu juga dengan kaedah bacaan intensif dan ekstensif yang terdapat pada setiap unit dalam buku teks. Bacaan intensif yang lebih berorientasikan kognitif dan metakognitif antaranya bertujuan untuk membolehkan murid membaca dengan baik dari segi sebutan, intonasi, lancar, menguasai makna dan semantik, mengkaji struktur ayat, mengenal pasti isi-isu penting dalam teks, dan sebagaimana berkaitan dengan laras bahasa teks. Bacaan ekstensif pula berorientasikan kepada aspek afektif atau dalaman pembaca yang menekankan aktiviti bacaan di luar kelas. Pendekatan bacaan ekstensif antaranya bertujuan membolehkan pelajar membaca dengan sendiri tanpa bimbingan secara langsung, memperkayakan perbendaharaan kata dan untuk membentuk tabiat gemar membaca. (Grabe 2009, Hudson 2007). Kesemua aktiviti-aktiviti kemahiran membaca ini berperanan untuk mengaktifkan kognitif dan metakognitif pembaca (Mokhtari & Reichard 2002; Sheorey & Mokhtari 2001; Yuksel & Yuksel 2012).

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan strategi bacaan adalah pada tahap sederhana. Hal ini selari dengan beberapa kajian yang mendapati tahap pencapaian dan penguasaan kemahiran BA dalam kalangan pelajar adalah kurang memberangsangkan. Antara isu yang sering dibangkitkan adalah melibatkan ketidakupayaan guru menguasai kemahiran berbahasa sekaligus memberi kesan kepada proses untuk memindahkan pengetahuan dan pengalaman baharu kepada pelajar (Ali Muda 2012; Noor Shamsinar, Zetty Nurzuliana & Mohd Kamal 2014). Guru yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi sudah pasti mampu menunjuk cara dan menyampaikan teknik serta strategi bacaan dengan berkesan kepada para pelajar. Apabila proses pemindahan maklumat, teknik, pendekatan, strategi dan kemahiran membaca dari guru kepada murid atau pelajar berlaku dengan baik dan sempurna, secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan tahap kefahaman bacaan teks dengan baik.

Secara teori, kefahaman bacaan teks adalah melibatkan proses kognitif. Menurut McKenna dan Stahl (2009) pembentukan model kognitif kefahaman bacaan adalah berasaskan kepada sumbang saran, pemerhatian dan

persoalan berkaitan dengan situasi serta pengalaman PdP aktiviti membaca bersama para pelajar yang melibatkan elemen-elemen kognitif dan pemahaman. Pendekatan ini diguna pakai dalam pembinaan model kognitif ini kerana ia lebih wajar serta menepati asas logikal suasana sebenar PdP yang berlaku.

Terdapat tiga dimensi keupayaan pembaca yang ditekankan dalam model kognitif tersebut iaitu pengecaman perkataan, komponen pengetahuan bahasa dan pengetahuan tentang strategi bacaan. Dimensi pertama melibatkan keupayaan mengecam serta mengenal pasti patah perkataan merangkumi beberapa pemeringkatan kebolehan asas seperti kesedaran fonologi, gambaran asas perkataan, penyahkodan dan kelancaran. Manakala dimensi kedua ialah keupayaan pengetahuan bahasa pula melibatkan tiga elemen utama iaitu kosa kata, pengetahuan sedia ada serta pengetahuan tentang struktur tatabahasa pada ayat. Ketiga-tiga elemen tersebut memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada proses kefahaman bahasa. Seterusnya dimensi ketiga ialah pengetahuan tentang strategi bacaan yang menggambarkan pembaca mempunyai pendekatan dan strategi tertentu apabila berhadapan dengan satu-satu bentuk teks bacaan.

#### KESIMPULAN

Kajian ini dapat membuktikan bahawa para pelajar tingkatan empat sekolah menengah agama menggunakan strategi bacaan ketika membaca teks BA. Namun begitu, tahap penggunaan strategi bacaan secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana. Walaupun demikian, tahap penggunaan strategi bacaan secara terperinci berdasarkan kepada tiga dimensi iaitu SBG, SPM, dan SS menunjukkan ada perbezaan. Tahap penggunaan dimensi SPM adalah lebih tinggi berbanding tahap penggunaan dimensi SBG dan SS berada pada tahap sederhana. Wujudnya perbezaan tahap penggunaan antara dimensi memberi petunjuk bahawa tumpuan pelajar lebih terarah untuk mencari penyelesaian bila berhadapan cabaran atau kesukaran ketika membaca teks BA. Hal ini menunjukkan pembaca kurang memanfaatkan sepenuhnya strategi-strategi dari dimensi lain bagi membantu mereka memahami teks dengan lebih baik. Dalam pada itu, kajian ini juga menunjukkan tahap penguasaan kefahaman bacaan teks adalah rendah. Keputusan dapatan ini juga memberi gambaran tentang wujudnya perkaitan yang signifikan antara penggunaan strategi bacaan dengan kefahaman bacaan. Hal ini disokong dengan dapatan analisis regresi yang menunjukkan boleh ubah faktor strategi bacaan mempengaruhi kefahaman bacaan.

Kajian ini juga memberikan implikasi kepada dua aspek iaitu implikasi teoretis dan pedagogi. Implikasi teoretis dapat menjelaskan bahawa penggunaan strategi bacaan dalam kalangan para pelajar mempunyai pengaruh ke atas kefahaman bacaan teks bahasa Arab. Hal ini memperkuatkan tentang elemen kognitif dalam teori dan model bacaan yang mengaitkan faktor strategi bacaan sebagai salah satu boleh ubah dalam aktiviti kemahiran

membaca. Ini dapat diperhatikan daripada dapatan analisis regresi yang menunjukkan kesignifikanan hubungan antara strategi bacaan dengan kefahaman. Implikasi pedagogi pula dapat menjelaskan tentang kepentingan penerapan strategi bacaan dalam aktiviti kemahiran membaca secara menyeluruh membabitkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti sebelum, semasa dan selepas. Para pendidik khususnya perlu menyedari bahawa pendedahan dan penggunaan strategi bacaan secara konsisten dalam aktiviti kemahiran membaca dapat membantu para pelajar mempertingkatkan tahap kefahaman bacaan dengan lebih berkesan.

Sebagai kesimpulan, penerapan strategi bacaan dalam aktiviti kemahiran membaca teks BA perlu diberi perhatian oleh para pendidik malah wajar diberi penekanan yang lebih dalam PdP di dalam kelas bagi mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa dan aras kemahiran berfikir.

#### RUJUKAN

- Abidin Pammu, Zaini Amir & Tengku Nor Rizan Tengku Mohd Maasum. 2014. Metacognitive reading strategies of less proficient tertiary learners: a case study of EFL learners at a public university in Makassar, Indonesia. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 118: 357-364.
- Alhaqbani, A. & Riazi, M. 2012. Metacognitive awareness of reading strategy use in Arabic as a second language. *Reading in a Foreign Language* 24(2): 231-255.
- Ali Muda. 2012. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tinggi dari perspektif guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR '12)*: 34-47.
- Anderson, N.J. 2003. Scrolling, clicking, and reading English: Online reading strategies in a second/foreign language. *The Reading Matrix* 3(3): 1-33.
- Brustad, K. 2006. Reading Fluency in Arabic. Dlm. *Handbook for Arabic Language Teaching Professionals in the 21st Century*, disunting oleh Wahba, K.M., Taha, Z.A. & England, L. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Carrell, P. L. 1998. Can Reading Strategies Be Successfully Taught? *Australian Journal of Language and Literacy* 21(1): 1-20.
- Chen, K.T.-C. & Chen, S.C.-L. 2015. The use of EFL reading strategies among high school students in Taiwan. *The Reading Matrix* 15(2): 156-166.
- Creswell, J.W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Ed. ke-4. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Farrell, T.S.C. 2001. Teaching reading strategies: It takes time. *Reading in a Foreign Language* 13(2): 631-646.
- Garner, R. 1987. *Metacognition and Reading Comprehension*. Westport: Ablex Publishing.
- Gersten, R., Fuchs, L.S., Williams, J.P. & Baker, S. 2001. Teaching reading comprehension strategies to students with learning disabilities: A review of research. *Review of Educational Research* 71(2): 279-320.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Grabe, W. 2009. *Reading in a Second Languages: Moving From Theory to Practise*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Hasmidar Abdul Saltar. 2000. Kemahiran Membaca Teks Autentik Bahasa Arab: Kajian Khusus Di SMAP Kajang. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hudson, T. 2007. *Teaching Second Language Reading*. Oxford: Oxford University Press.
- Jacobs, J.E. & Paris, S.G. 1987. Children's metacognition about reading: Issues in definition, measurement, and instruction. *Educational Psychologist* 22(3 & 4): 255-278.
- Janzen, J. 2003. Developing strategic readers in elementary school. *Reading Psychology* 24(-): 25-55.
- Janzen, J. & Stoller, F. L. 1998. Integrating Strategic reading in L2 instruction. *Reading in a Foreign Language* 12(1): 251-269.
- Koda, K. 2005. *Insight into Second Language Reading: A Cross-Linguistic Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lohr, S. L. 2010. *Sampling: Design and Analysis*. Ed. ke-2. Boston: Brooks/Cole.
- Magogwe, J.M. 2013. Metacognitive Awareness of reading strategies of University of Botswana English as second language students of different academic reading proficiencies. *Reading & Writing* 4(1): 1-8.
- Malaysia, K. P. 2016b. *Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah: Dokumen Standard Kurikulum Tingkatan 4*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marohaini Yusoff. 2014. *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Batu Caves: PTS Akademia.
- Mckenna, M.C. & Stahl, K.A.D. 2009. *Assessment for Reading Instruction*. Ed. ke-3. New York: The Guilford Press.
- Mcmillan, J.H. & Schumacher, S. 2006. *Research in Education: Evidence-Based Inquiry*. ke-6. Boston: Pearson Education, Inc.
- Mehrens, W.A. & Lehmann, I.J. 1991. *Measurement and Evaluation in Education and Psychology*. Ed. ke-3. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Mirzaei, A., Domakani, M.R. & Heidari, N. 2014. Exploring the relationship between reading strategy use and multiple intelligences among successful L2 readers. *Educational Psychology* 34(2): 208-230.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2011. *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*. Ed. ke-2. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtari, K. & Reichard, C.A. 2002. Assessing students' metacognitive awareness of reading strategies. *Journal of Educational Psychology* 94(2): 249-259.
- Mokhtari, K. & Sheorey, R. 2002. Measuring Esl Students' Awareness of Reading Strategies. *Journal of Developmental Education* 25(3): 2-10.
- Nassaji, H. 2003. Higher-level and lower-level text processing skills in advanced ESL reading comprehension. *The Modern Language Journal* 87(2): 261-276.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Sarizan Sulong & Siti Nuhajarrah. 2016. Tahap kefahaman bahasa Arab mengikut taksonomi bacaan dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1): 33-37.
- Noor Shamsinar Zakaria, Zetty Nurzuliana Rashed & Mohd Kamal Din. 2014. Kesediaan guru pendidikan Islam dalam pengajaran Bahasa Arab: satu kajian terhadap guru pelatih diploma perguruan pendidikan Islam di KUIS. *Jurnal Pendidikan* 1(2): 57-66.
- Norazman Mohd. Nordin. 2006. Penggunaan kemahiran membaca dalam bahasa Arab: Satu Kajian Kes. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.
- Oxford, R.L. 1990. *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House.
- Pintrich, P.R. 2002. The role of metacognitive knowledge in learning, teaching, and assessing. *Theory Into Practice* 41(4): 221-225.
- Rapp, D.N., Broek, P.V.D., McMaster, K.L., Kendeou, P. & Espin, C.A. 2007. Higher-order comprehension processes in struggling readers: a perspective for research and intervention. *Scientific Studies of Reading* 11(4): 289-312.
- Sabri Ahmad Zabidi. 2010. Penggunaan membaca teks Arab di kalangan guru pelatih. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sheorey, R. & Mokhtari, K. 2001. Differences in the metacognitive awareness of reading strategies among native and non-native readers. *System* 29(4): 431-449.
- Siti Rahayah Ariffin. 2008. *Inovasi dalam Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Tu'aimah, R.A. 1986. *Al-Marja'fi Ta'līm al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Natiqin bilughat Ukhra*. Makkah al-Mukarramah: Jami'ah Umm al-Qura.
- Yahya Othman. 2008. *Proses & Strategi Membaca Berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Yuksel, I. & Yuksel, I. 2012. Metacognitive awareness of academic reading strategies. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 31(-): 894-898.
- Yukselir, C. 2014. An investigation into the reading strategy use of EFL prep-class students. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 158(-): 65-72.
- Zamri Mahamod & Noriah Mohd Ishak. 2003. Analisis Cohen Kappa Dalam Penyelidikan Bahasa: Satu Pengalaman. *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Guru Peringkat Kebangsaan Anjuran Bahagian Pendidikan Guru*. Anjuran Kuching, 19-20 Ogos.
- Zare, P. & Moomala Othman. 2013. The relationship between reading comprehension and reading strategy use among malaysian ESL learners. *International Journal of Humanities and Social Science* 3(13): 187-193.

Mohd Hazli Yah @Alias\*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Kampus Gong Badak

Universiti Sultan Zainal Abidin

Email: mohazalias@gmail.com

Maimun Aqsha Lubis

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: mal@ukm.edu.my

Pengarang untuk surat-menurut, email: mohdazalias@gmail.com

Diserahkan: 15 Ogos 2018

Diterima: 11 Oktober 2018

Diterbitkan: 31 Disember 2018

